

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

AAW414 - PENGAUDITAN II

Masa: [3 jam]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH (10)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **ENAM (6)** soalan. Soalan di Bahagian A adalah **WAJIB** dan jawab **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

**Bahagian A. (WAJIB)**

1. Anda telah dilantik untuk membuat perancangan bagi menjalankan pengauditan di dalam Syarikat Barangan Elektrik Heng pada 30 June 1996. Syarikat ialah pemborong barangan elektrik dengan membeli barangan elektrik secara terus daripada pembekal tempatan dan luar negara dan kemudian menjual barangan ini kepada peruncit kecil dan besar. Ini adalah tempoh perakaunan yang pertama di mana kesemua urusan berhubung dengan jualan, belian gaji dan lejar am diproses serta dicatatkan dengan komputer.

Firma audit anda mempunyai pengalaman di dalam sistem perakaunan berkomputer dan telah membuat keputusan bahawa pengauditan penyata kewangan Syarikat Barangan Elektrik Heng memerlukan ujian ke atas kesemua sistem perakaunan berkomputer syarikat tersebut. Firma audit juga akan menggunakan program audit berkomputer untuk menguji rekod perakaunan syarikat tersebut.

Dikehendaki:

- (a) Terangkan perbezaan pengauditan sistem perakaunan berkomputer dan sistem perakaunan bukan berkomputer (secara "manual").

[4 markah]

...2/-

AAW414

(b) Terangkan maksud kawalan aplikasi dan kawalan am.

[4 markah]

(c) Nyatakan 2 contoh kawalan aplikasi ke atas data yang diproseskan melalui sistem belian Syarikat Barangan Elektrik Heng dan nyatakan tujuan setiap kawalan.

[4 markah]

(d) (i) Bincangkan jenis utama "teknik pengauditan dibantu komputer" (Computer Assisted Auditing Techniques-CAAT) dan jelaskan manfaat yang boleh didapati dari penggunaan teknik ini.

[4 markah]

(ii) Berikan dua contoh bagaimana teknik ini boleh digunakan secara berkesan di dalam pengauditan akaun belum terima Syarikat Barangan Elektrik Heng pada akhir tahun.

[4 markah]

2. IAG 21 membincangkan mengenai peristiwa selepas tarikh kunci kira-kira.

Anda sedang mengaudit Syarikat Kejuruteraan Texas bagi tahun berakhir 31 Mac 1996, dan anda telah disuruh oleh rakan kongsi firma audit anda untuk mempertimbangkan kerja yang akan anda lakukan ke atas peristiwa selepas kunci kira-kira se masa menjalankan pengauditan.

Anda menjangkakan kerja pengauditan akan tamat sebelum atau pada 20 Jun 1996 tetapi Lembaga Pengarah telah memberitahu anda bahawa mereka hanya akan meluluskan akaun-akaun akhir pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada 25 Julai 1996. Rakan kongsi firma audit anda akan menandatangani laporan audit itu pada tarikh yang sama.

...3/-

Semasa anda mengaudit akaun belum terima, anda telah mendapati seorang pelanggan, Syarikat Pengilangan Tekstil telah melantik seorang pemegang amanah raya pada 25 Mei 1996. Jumlah yang berkaitan dengan pelanggan tersebut yang telah dimasukkan ke dalam kunci-kira-kira pada akhir tahun adalah seperti berikut:

- (i) baki di dalam lejer jualan berjumlah RM 30,000;
- (ii) tiada peruntukkan telah dibuat di dalam akaun (bagi tahun berakhir 31 Mac 1996) tetapi butiran ini telah ditunjukkan sebagai catatan kaki.

Sebelum anda menjawab soalan ini anda hendaklah membuat andaian berikut:

- (i) potensi hutang lapuk berhubung dengan Syarikat Pengilangan Tekstil adalah matan di dalam akaun Syarikat Kejuruteraan Texas;
- (ii) Syarikat Kejuruteraan Texas terus menjadi sebuah entiti yang berterusan.

Dikehendaki:

- (a) Nyatakan kerja audit yang harus anda lakukan untuk membuat keputusan sama ada urusaniaga berhubung dengan Syarikat Pengilangan Tekstil telah dimasukkan dengan betul di dalam akaun, dan secara khusus sama ada:
  - (i) butiran itu telah dikendalikan dengan betul sebagai peristiwa selepas kunci kira-kira yang tidak perlu diselaraskan.
  - (ii) peruntukan hutang lapuk adalah dinyatakan dengan betul

[8 markah]

- (b) Senaraikan dan terangkan secara ringkas tatacara pengauditan yang akan anda jalankan semasa pengauditan (iaitu sehingga 20 June 1996) berhubung pengendalian peristiwa selepas kunci kira-kira.

[6 markah]

...4/-

- (c) Senaraikan dan nyatakan tatacara pengauditan yang akan anda jalankan sebelum rakankongsi menandatangani laporan audit pada 25 Julai 1996 (atau di antara tempoh 20 Jun 1996 sehingga 25 Julai 1996).

[6 markah]

3. Anda dikehendaki membuat rujukan kepada Lampiran 1 dan/atau 2 untuk menjawab soalan ini. Puan Aminah telah membuat keputusan untuk menggunakan persampelan sifat di dalam menguji urusniaga jualan Syarikat Mega TV Bhd.

Berdasarkan pengetahuannya mengenai operasi jualan Syarikat Mega TV Bhd, dia telah menganggarkan kadar sisihan populasi adalah 3% dan dia sanggup menerima 5% risiko bahawa kadar sisihan sebenar adalah tidak melebihi 6%. Dengan menggunakan maklumat ini, Puan Aminah memilih 150 invois jualan daripada 5000 invois jualan secara rambang dan meneliti sisihan jika ada. Sisihan yang dijumpainya adalah seperti berikut:

Nombor Invois	Komen
5678	Invois jualan yang belum dipenuhi diperiksa oleh juruaudit
4467	Pelanggan tidak dapat mengesan salinan invois jualan
4123	Jumlah invois jualan pada mulanya salah tetapi telah dibetulkan oleh pelanggan sebelum bil dihantar keluar
9123	Cek telah ditarik 3 hari lewat dari tarikh yang dicatatkan di dalam jurnal jualan
4577	Dokumen penghantaran bagi jualan inventori tidak dapat dikesan
7364	Invois jualan yang bernilai RM2,875 tidak dapat dikesan dan telah enam bulan melewati tempuh matang
7869	Bil didapati RM100 lebih kurang dari yang sepatutnya oleh kerana kesilapan di dalam penentuan harga. Tidak terdapat sebarang tanda di atas invois jualan yang menunjukkan ianya telah disemak oleh juruaudit dalaman
9012	Tiada tanda di atas invois jualan yang menunjukkan penyemakan dalaman telah dijalankan berhubung dengan jumlah yang dicatatkan dan pengeposannya ke jurnal jualan
3417	Pesanan belian tidak dikepilkan bersama-sama invois jualan
5999	Jualan kredit untuk jualan bernilai RM5.20 tidak diluluskan
5848	Pelanggan tidak dapat mengesan salinan invois jualan

...5/-

Dikehendaki:

- (a) Menentukan invoice jualan yang boleh dikatakan sisihan kawalan.
- (b) Menentukan had sisihan atasan untuk setiap sifat di dalam populasi yang diuji, jika andaian 5% risiko terlebih percaya boleh diterima untuk setiap sifat.

Anda hendaklah menentukan sifat mana yang harus dicantumkan, sifat mana yang harus diasingkan serta sisihan kawalan yang mana satukah yang merupakan sisihan sebenar, sebelum anda boleh menentukan kadar sisihan atasan.

- (c) Jelaskan sama ada juruaudit boleh bergantung kepada kawalan sifat yang berkaitan dengan invoice jualan bernombor 4123 jika kadar sisihan boleh diterima adalah seperti berikut:

- (i) 3% dan
- (ii) 4%

- (d) Nyatakan tatacara selanjutnya yang perlu dilakukan oleh juruaudit setelah menemui sisihan ini.

[20 markah]

4. Tuliskan nota ringkas mengenai:

- (a) penyelidikan audit
- (b) akauntabiliti dan pentadbiran bersama (corporate governance and accountability)

[10 markah]

...6/-

**Bahagian B**

Pilih dan jawab **DUA (2)** soalan sahaja.

5. "Saya percaya juruaudit tidak boleh bebas kerana yuran auditnya dibayar oleh syarikat yang diauditnya. Secara tidak langsung, pengarah syarikat akan memilih juruaudit yang mereka senangi, kerana:
- (a) pada kebiasaannya, pengarah dan ahli keluarganya adalah pemegang saham yang terbanyak sekali. Dengan ini mereka dapat menukarkan atau menggantikan juruaudit yang sedia dengan juruaudit yang mereka ingini;
  - (b) selalunya di dalam syarikat awam, pemegang saham akan menerima sesiapa sahaja juruaudit yang dicadangkan oleh pengarah".

Bincangkan kenyataan di atas. Pada pendapat anda bolehkah juruaudit bebas dari pelanggannya?

[15 markah]

6. Semasa pengauditan, lebih kurang 20 peratus sehingga 75 peratus audit yang telah dijalankan telah menemui kesilapan yang matan. Secara purata, kebanyakan kesilapan ini telah menyebabkan pendapatan terkumpul terlebih catat.

Kajian di dalam bidang ini telah memberi berbagai terjemahan berhubung dengan "kesilapan yang matan". Di antaranya ialah jumlah kesilapan itu boleh mengubah pendapatan sehingga 34%, mengubah hasil sebanyak 0.8% sehingga 1.72%, dan mengubah jumlah aset sebanyak 1.6% sehingga 4.6%.

Mengikut William dan Martin (1994)<sup>1</sup>

"jika juruaudit tidak menggunakan konsep kematanan di dalam kerja mereka dan jika diandaikan tiada kawalan pengganti (compensating control), pendapatan bersih dan aset bersih yang dilaporkan secara puratanya adalah dua hingga lapan kali lebih tinggi dari apa yang akhirnya ditunjukkan di dalam penyata kewangan".

Dikehendaki:

- (a) Bincangkan sama ada penemuan dari kajian ini mengejutkan anda.
- (b) Nyatakan kesilapan yang mungkin berlaku di dalam pengauditan pusingan belian dan akaun belum bayar.
- (c) Bagaimanakah penemuan dari kajian ini boleh mempengaruhi rancangan audit anda?

[15 markah]

7. Profession perakaunan telah selalu diajukan dengan persoalan liabiliti juruaudit.

Dikehendaki:

- (a) Nyatakan pihak-pihak di mana juruaudit mempunyai liabiliti.
- (b) Nyatakan keadaan-keadaan yang memungkinkan juruaudit bertanggung jawab kepada pihak ketiga.
- (c) Firma audit anda telah menjadi juruaudit Syarikat Cetak Cantik untuk beberapa tahun. Pada beberapa tahun kebelakangan ini, pengarah telah secara konsisten terlebih nilai inventori. Sediakan satu laporan kepada rakan kongsi firma audit anda menasihatinya mengenai pembelaan yang boleh digunakan jika berlakunya tuntutan liabiliti.

[15 markah]

...8/-

---

<sup>1</sup> William, R. Kinney, Jr. dan Roger D. Martin, 1994. *Does auditing reduce bias in financial reporting? A review of audit-related adjustment studies.* Auditing: A Journal of Practice and Theory, (Spring): 149-156.

AAW414

8. (a) Bincangkan tatacara yang perlu dijalankan di dalam penyemakan ramalan keuntungan.
- (b) Nyatakan maklumat kewangan yang terdapat di dalam prospektus dan nyatakan keadaan-keadaan yang memerlukan pengeluaran prospektus.
- (c) Bincangkan siapa yang boleh menganggotai jawatankuasa audit serta bincangkan tugas dan tanggungjawab jawatankuasa audit ini.

[15 markah]

...9/-



*Determining Sample Size for Attributes Sampling*

LAMPIRAN 1

5 PERCENT RISK OF OVERRELIANCE

EXPECTED POPULATION DEVIATION RATE (IN PERCENTAGE)	TOLERABLE DEVIATION RATE (IN PERCENTAGE)										
	2	3	4	5	6	7	8	9	10	15	20
0.00	149	99	74	59	49	42	36	32	29	19	14
0.25	236	157	117	93	78	66	58	51	46	30	22
0.50	.	157	117	93	78	66	58	51	46	30	22
0.75	.	208	117	93	78	66	58	51	46	30	22
1.00	.	.	156	93	78	66	58	51	46	30	22
1.25	.	.	156	124	78	66	58	51	46	30	22
1.50	.	.	192	124	103	66	58	51	46	30	22
1.75	.	.	227	153	103	88	77	51	46	30	22
2.00	.	.	.	181	127	88	77	68	46	30	22
2.25	.	.	.	208	127	88	77	68	61	30	22
2.50	.	.	.	.	150	109	77	68	61	30	22
2.75	.	.	.	.	173	109	95	68	61	30	22
3.00	.	.	.	.	195	129	95	84	61	30	22
3.25	.	.	.	.	.	148	112	84	61	30	22
3.50	.	.	.	.	.	167	112	84	76	40	22
3.75	.	.	.	.	.	185	129	100	76	40	22
4.00	.	.	.	.	.	.	146	100	89	40	22
5.00	.	.	.	.	.	.	.	158	116	40	30
6.00	.	.	.	.	.	.	.	.	179	50	30
7.00	.	.	.	.	.	.	.	.	.	68	37

10 PERCENT RISK OF OVERRELIANCE

0.00	114	76	57	45	38	32	28	25	22	15	11
0.25	194	129	96	77	64	55	48	42	38	25	18
0.50	194	129	96	77	64	55	48	42	38	25	18
0.75	265	129	96	77	64	55	48	42	38	25	18
1.00	.	176	96	77	64	55	48	42	38	25	18
1.25	.	221	132	77	64	55	48	42	38	25	18
1.50	.	.	132	105	64	55	48	42	38	25	18
1.75	.	.	166	105	88	55	48	42	38	25	18
2.00	.	.	198	132	88	75	48	42	38	25	18
2.25	.	.	.	132	88	75	65	42	38	25	18
2.50	.	.	.	158	110	75	65	58	38	25	18
2.75	.	.	.	209	132	94	65	58	52	25	18
3.00	.	.	.	.	132	94	65	58	52	25	18
3.25	.	.	.	.	153	113	82	58	52	25	18
3.50	.	.	.	.	194	113	82	73	52	25	18
3.75	.	.	.	.	.	131	98	73	52	25	18
4.00	.	.	.	.	.	149	98	73	65	25	18
4.50	.	.	.	.	.	218	130	87	65	34	18
5.00	.	.	.	.	.	.	160	115	78	34	18
5.50	.	.	.	.	.	.	.	142	103	34	18
6.00	.	.	.	.	.	.	.	182	116	45	25
7.00	.	.	.	.	.	.	.	.	199	52	25
7.50	.	.	.	.	.	.	.	.	.	52	25
8.00	.	.	.	.	.	.	.	.	.	60	25
8.50	.	.	.	.	.	.	.	.	.	68	32

\* Sample is too large to be cost-effective for most audit applications.

Notes:

1. This table assumes a large population.
2. Sample sizes are the same in certain columns even when expected population deviation rates differ because of the method of constructing the tables. Sample sizes are calculated for attributes sampling using the expected number of deviations in the population, but auditors can deal more conveniently with expected population deviation rates. For example, in the 15 percent column for tolerable deviation rate, at an ARO of 5 percent, initial sample size for most EPDRs is 30. One deviation, divided by a sample size of 30, is 3.3 percent. Therefore, for all EPDRs greater than zero, but less than 3.3 percent, initial sample size is the same.

LAMPIRAN 2

*Evaluating Sample Results Using Attributes Sampling*

5 PERCENT RISK OF OVERRELIANCE											
SAMPLE SIZE	ACTUAL NUMBER OF DEVIATIONS FOUND										
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
25	11.3	17.6	.	.	.	.	.	.	.	.	.
30	9.5	14.9	19.5	.	.	.	.	.	.	.	.
35	8.2	12.9	16.9	.	.	.	.	.	.	.	.
40	7.2	11.3	14.9	18.3	.	.	.	.	.	.	.
45	6.4	10.1	13.3	16.3	19.2	.	.	.	.	.	.
50	5.8	9.1	12.1	14.8	17.4	19.9	.	.	.	.	.
55	5.3	8.3	11.0	13.5	15.9	18.1	.	.	.	.	.
60	4.9	7.7	10.1	12.4	14.6	16.7	18.8	.	.	.	.
65	4.5	7.1	9.4	11.5	13.5	15.5	17.4	19.3	.	.	.
70	4.2	6.6	8.7	10.7	12.6	14.4	16.2	18.0	19.7	.	.
75	3.9	6.2	8.2	10.0	11.8	13.5	15.2	16.9	18.4	20.0	.
80	3.7	5.8	7.7	9.4	11.1	12.7	14.3	15.8	17.3	18.8	.
90	3.3	5.2	6.8	8.4	9.9	11.3	12.7	14.1	15.5	16.8	18.1
100	2.9	4.7	6.2	7.6	8.9	10.2	11.5	12.7	14.0	15.2	16.4
125	2.4	3.7	4.9	6.1	7.2	8.2	9.3	10.3	11.3	12.2	13.2
150	2.0	3.1	4.1	5.1	6.0	6.9	7.7	8.6	9.4	10.2	11.0
200	1.5	2.3	3.1	3.8	4.5	5.2	5.8	6.5	7.1	7.7	8.3

10 PERCENT RISK OF OVERRELIANCE											
SAMPLE SIZE	ACTUAL NUMBER OF DEVIATIONS FOUND										
	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
20	10.9	18.1	.	.	.	.	.	.	.	.	.
25	8.8	14.7	19.9	.	.	.	.	.	.	.	.
30	7.4	12.4	16.8	.	.	.	.	.	.	.	.
35	6.4	10.7	14.5	18.1	.	.	.	.	.	.	.
40	5.6	9.4	12.8	15.9	19.0	.	.	.	.	.	.
45	5.0	8.4	11.4	14.2	17.0	19.6	.	.	.	.	.
50	4.5	7.6	10.3	12.9	15.4	17.8	.	.	.	.	.
55	4.1	6.9	9.4	11.7	14.0	16.2	18.4	.	.	.	.
60	3.8	6.3	8.6	10.8	12.9	14.9	16.9	18.8	.	.	.
70	3.2	5.4	7.4	9.3	11.1	12.8	14.6	16.2	17.9	19.5	.
80	2.8	4.8	6.5	8.3	9.7	11.3	12.8	14.3	15.7	17.2	18.6
90	2.5	4.3	5.8	7.3	8.7	10.1	11.4	12.7	14.0	15.3	16.6
100	2.3	3.8	5.2	6.6	7.8	9.1	10.3	11.5	12.7	13.8	15.0
120	1.9	3.2	4.4	5.5	6.6	7.6	8.6	9.6	10.6	11.6	12.5
160	1.4	2.4	3.3	4.1	4.9	5.7	6.5	7.2	8.0	8.7	9.5
200	1.1	1.9	2.6	3.3	4.0	4.6	5.2	5.8	6.4	7.0	7.6

\* Over 20 percent.

Note: This table presents computer upper deviation rates as percentages. Table assumes a large population.

---ooo000ooo---